

**UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATO' DR. MUSA AHMAD
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS SYARAHAN PERDANA 2016
(PROFESOR PUAN SRI DATUK DR. HAJAH MIZAN
ADILIAH AHMAD IBRAHIM)**

**20 Julai 2016 (Rabu) • Dewan Kuliah Pusat
(DKP) 3 USIM • 8.45 Pagi**

Terima kasih pengerusi majlis

*Bismillahirrahmanirrahim (Dengan Nama Allah
Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang)
Serta Selawat dan Salam Atas Junjungan
Rasulullah S.A.W*

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa
Barakatuh, Salam Sejahtera, Salam Satu
Malaysia dan Salam Integrasi Naqli dan Aqli*

[SALUTASI]

1. Pertama-tamanya marilah kita melafazkan rasa syukur kita ke Hadrat Ilahi, kerana dengan Inayah dan Kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam dewan yang indah pada pagi yang berbahagia ini. Pada hari yang berbahagia ini. Izinkan juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua yang hadir. Mohon maaf zahir dan batin.
2. Pada pagi yang berbahagia ini, kita bersama-sama berkumpul untuk meraikan satu tradisi dunia akademik yang sangat

penting. Kita bakal mendengar satu syarahan perdana yang akan disampaikan oleh **Y.Bhg Profesor Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim**, seorang figura dunia kaunseling yang sangat dikenali ramai. Peranan yang pernah dimainkan oleh tokoh ini sangat besar maknanya bukan sahaja kepada perkembangan program kaunseling di USIM, malah lebih penting kepada perkembangan profesion dalam bidang kaunseling di Malaysia.

3. Saya berani mengatakan bahawa saya amat kagum dengan upaya dan wibawa beliau dalam memastikan kelestarian program kaunseling di USIM di semua peringkat. Daya dan cecal kepemimpinannya juga amat hebat dalam setiap usaha yang dilaksanakan bagi memastikan kecemerlangan anak bangsa dalam mendaulatkan profesion kaunseling di Malaysia.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Sebelum saya mempersilakan Y.Bhg Prof. Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim menyampaikan syarahan perdana beliau pada pagi ini, saya merasa amat berbesar hati dan teruja untuk kita sama-sama menelusuri riwayat kehidupan beliau yang penuh dengan sumbangan

bermakna secara lebih terperinci kepada hadirin semua.

- Lebih enam dekad yang lalu, di penghujung Februari puteri bertuah ini telah dilahirkan. Selepas pertimbangan dan penilaian yang adil dilaksanakan, puteri ini telah diberikan nama Mizan Adiliah.
- Memulakan langkah dunia pendidikannya di Sekolah Rendah Kuala Pari, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Puteri ini kemudiannya telah melanjutkan pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah Anderson dan Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman (STAR) Ipoh.
- Kecemerlangan pencapaian pendidikannya telah membolehkan beliau untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Ilmu Pendidikan di Universiti Malaya bermula pada tahun 1972. Lalu memulakan kerjayanya sebagai guru. Kecemerlangan ini diteruskan apabila pada tahun 1978, beliau berjaya menyambung pengajian ke peringkat Sarjana di University of Western Michigan, Amerika Syarikat dalam pengkhususan Kaunseling dan Pengurusan Personalia. Diikuti dengan satu Diploma Lulusan Ijazah dalam

'Speciality Program in Alcohol and Substance Abused'. Kecemerlangan ini diteruskan pada tahun 1987 apabila beliau melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di University of Wales Cardiff, United Kingdom.

- Sumbangan besar Y.Bhg Prof. Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim dalam dunia akademik bermula sebagai tenaga akademik di Maktab Perguruan Ilmu Khas. Lantas beliau menjadi antara peneroka dalam memperkenalkan kursus khas dalam bidang kaunseling untuk guru-guru buat kali pertama di negara ini. Seterusnya beliau telah berhijrah ke Universiti Pertanian Malaysia (sekarang Universiti Putra Malaysia - UPM) dan berkhidmat selama hampir 20 tahun dalam bidang pendidikan bimbingan dan kaunseling.
- Pada tahun 2003, Y.Bhg Prof. Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim telah mengorak langkah besar dalam usaha beliau berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan berhijrah ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan telah menjadi peneroka awal dalam membangunkan Program Kaunseling di bawah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Berbekalkan pengalaman yang luas

dalam bidang pendidikan kaunselor, usaha membuka program kaunseling di USIM telah dilaksanakan dengan berpaksikan teras USIM iaitu menggabungkan elemen kaunseling dan psikologi dengan sumber ilmu naqli, al-Quran dan hadis.

- Pada tahun 2005 beliau terus meneroka kecemerlangan dan telah memulakan inisiatif membangunkan program '*Speciality Program For Alcohol And Drug Abused (SPADA)*' di USIM yang memberikan latihan dan khidmat kepada penjawat awam yang terlibat terus dalam usaha membanteras musuh nombor satu negara iaitu DADAH. Program ini kini telah menjadi satu Pusat Kecemerlangan yang sangat dibanggakan di USIM ini.
- Sepanjang berkhidmat di USIM, sumbangan beliau dalam bidang pendidikan amnya dan kaunseling khususnya sangat meluas. Bidang kaunseling dan psikologi diintergrasikan dengan ilmu naqli dan aqli. Hasilnya, terserlah dalam pelbagai cabang akademik seperti penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, penerbitan dan penglibatan komuniti. Dari sudut penyelidikan, Y.Bhg Prof. Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah

Ahmad Ibrahim telah menjalankan penyelidikan yang menekankan aspek ilmu psikologi dan Islam. Antara penyelidikan yang diketuai oleh beliau ialah:

- i. Pembentukan Pengukuran Personaliti Pendakwah
 - ii. Kemahiran Insaniah dalam Kalangan *Islamic Genius*
 - iii. Modaliti Dakwah Dalam Menentang Gejala Dadah dalam Kalangan Remaja / Belia Felda
 - iv. Kajian Kaunseling dalam Islam, Pembangunan Modal Intervensi Dalam Pencegahan Awal (*Religious Intervention In Early Prevention*)
 - v. Kajian Program Latihan Khidmat Negara (Kumpulan 'Hardcore').
- Selain itu, beliau juga aktif dalam bidang penerbitan ilmiah dan telah menghasilkan beberapa buah buku dalam bidang kaunseling. Antara buku yang menjadi rujukan tersohor bidang kaunseling ialah:
- i. Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah
 - ii. Kaunseling Individu: Apa dan Bagaimana
 - iii. Penyeliaan Perkhidmatan Praktikum
 - iv. Terapi Biblio Kepulihan

v. Kaunseling Dalam Islam

vi. OKU Dari Perspektif Islam.

- Upaya dan ketrampilan kepemimpinan Y.Bhg Prof. Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim juga sangat menyerlah apabila beliau pernah diberikan amanah untuk menjawat portfolio pentadbiran sebagai Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dari tahun 2004 hingga tahun 2010.
- Selanjutnya, upaya dan keterampilan kepemimpinan serta pengalaman sebagai peneroka perubahan telah membawa Y.Bhg Prof. Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim untuk diberikan amanah sebagai Pengarah Program Permata Insan dari tahun 2010 hingga tahun 2015. Projek yang merupakan usaha melahirkan cendekiawan Islam ini telah menyaksikan satu program yang mempunyai daya kelestarian yang tinggi dan memberikan impak yang sangat besar dalam dunia pendidikan negara. Tidak keterlaluan jika saya nyatakan di sini bahawa dengan jerih dan usaha tanpa kenal jemu kepemimpinan Y.Bhg Prof. Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah jugalah maka projek ini telah terlaksana. USIM telah menerima peruntukan untuk membangunkan Kolej Permata Insan yang pada hari ini telah

menjadi sebagai satu mercu tanda besar di kampus bertuah ini.

- Y.Bhg Prof. Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim jua bukan sahaja seorang ahli akademik yang aktif di universiti tetapi juga sangat-sangat aktif dalam penglibatan beliau bersama dengan komuniti dan masyarakat. Beliau pernah menggalas tanggungjawab sebagai:
 - i. Setiausaha Program Semai BAKTI di Bawah Badan Amal Dan Kebajikan Isteri Menteri (BAKTI) yang memberikan perkhidmatan kepada 520 buah pusat pemulihan OKU dalam komuniti di seluruh negara ini, dengan peruntukan untuk diurus sebanyak RM 2 juta setiap tahun, sejak tahun 2005.
 - ii. Ahli Penasihat Lembaga Kaunselor Malaysia.
 - iii. Pengerusi Rumah Kanak-Kanak Istimewa Kuala Langat.
 - iv. Pengerusi Koperasi Wanita Jaya Kuala Langat.
 - v. Pengerusi Yayasan Bestari Kuala Langat.
 - vi. Ahli Lembaga Pelawat Kompleks Penyayang Sungai Buloh.

- Di atas khidmat bakti beliau dalam pelbagai dimensi kelimuan yang tidak terhad dalam dunia kaunseling sahaja, beliau telah menerima banyak pengiktirafan dan anugerah seperti:

i. Pada tahun 2012, Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA International) telah menganugerahi beliau *fellowship* PERKAMA kerana jasa dan bakti beliau yang sangat bernilai dalam pembangunan dan perkembangan bidang kaunseling di Malaysia.

ii. Pengalaman dan jasa beliau dalam komuniti membolehkan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Langat telah menganugerahi beliau Tokoh Maulidur Rasul 1435H (Kategori PDK-PDK Telok Panglima Garang).

iii. USIM juga pernah memberikan Anugerah Pengajar Cemerlang atas sikap dan keperibadian beliau sebagai seorang pensyarah yang disegani dan disayangi.

iv. Bersandarkan pelbagai usaha dan jasa bakti dalam membangunkan masyarakat dan negara, profesion kaunseling dan pendidikan, kerajaan Malaysia telah menganugerahi beliau Darjah

Kebesaran Panglima Jasa Negara
(P.J.N) yang membawa gelaran
Datuk.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

5. Sangat hebat tokoh yang akan memperdengarkan syarahan perdana beliau pada hari ini. Saya berasa sangat bangga kerana pernah berkhidmat bersama-sama insan sehebat ini. Tanpa membuang masa marilah kita mendengar buah fikiran dan cetusan minda daripada individu yang sangat dikenali dan dikasihi. Saya dengan amat berbesar hati dan segala hormatnya menjemput dan mempersilakan Y.Bhg Prof. Puan Sri Datuk Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim menyampaikan Syarahan Perdana beliau bertajuk **“Kaunseling Sebagai Strategi Pembangunan Negara”**.

Dengan segala hormatnya dipersilakan.